

JURNAL AKADEMIK

**Towards Academic Excellence
Through Performance Appraisal**

MARY MAGDALINE PEREIRA

**An Evaluation Of The Materials Used For
The Teaching Of English In Mara Institut
Of Technology, Sarawak**

RAZLAN ABDULLAH
MARIAH ABDULLAH

**The Use Of Linear Discriminant Function
In Profitability Analysis Of The SMIS**

YAP YIN
CHAN SOON HUAT

**Creative Accounting - An Insight Into
The Nature And Extent Of Manipulating
Corporate Profits**

ALLAN CHANG AIK LENG

**25 Years Of Asean Economic Cooperation:
A Critical Overview**

NICHOLAS AMIN

**Membuat Keputusan Secara Statistik
Dalam Keadaan Ketidakpastian Dengan
Menggunakan Kebarangkalian Awal**

CHONG LENG FOOK
BADRON HJ. ABDUL MANAF

Jenayah Dan Hukuman Dalam Islam

MOHD ADIB SHUJAA BIN AHMAD

**Koperasi Dari Perspektif Islam
Satu Pendedahan Awal**

BASRI ABD. GHANI

ISSN 0128-2635



INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

JURNAL AKADEMIK

RENCANA

Towards Academic Excellence Through Performance Appraisal	MARY MAGDALINE PEREIRA	1
An Evaluation Of The Materials Used For The Teaching Of English In Mara Institut Of Technology, Sarawak	RAZLAN ABDULLAH MARIAH ABDULLAH	7
The Use Of Linear Discriminant Function In Profitability Analysis Of The SMIS	YAP YIN CHAN SOON HUAT	13
Creative Accounting - An Insight Into The Nature And Extent Of Manipulating Corporate Profits	ALLAN CHANG AIK LENG	25
25 Years Of Asean Economic Cooperation: A Critical Overview	NICHOLAS AMIN	33
Membuat Keputusan Secara Statistik Dalam Keadaan Ketidakpastian Dengan Menggunakan Kebarangkalian Awal	CHONG LENG FOOK BADRON HJ. ABDUL MANAF	46
Jenayah Dan Hukuman Dalam Islam	MOHD ADIB SHUJAA BIN AHMAD	52
Koperasi Dari Perspektif Islam Satu Pendedahan Awal	BASRI ABD. GHANI	60

JENAYAH DAN HUKUMAN DALAM ISLAM

Oleh

Mohd Adib Shujaa bin Ahmad

DEFINISI

Perkataan jenayah berasal dari perkataan Arab 'jinayat'.

Perkataan jinayat pula, sebenarnya diambil daripada perkataan 'jarama' yang bermaksud 'memotong' atau 'memperoleh'.

Dari segi syaraknya, istilah jenayah didefinisikan oleh Al Mawardi sebagai **perbuatan yang dicegah dan diharamkan oleh syarak dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman had dan ta'zir.**¹

Jenis-jenis Jenayah

Dalam Islam, jenayah terbahagi kepada tiga jenis:

- a. Kesalahan yang boleh dikenakan hukuman had.
- b. Kesalahan yang boleh dikenakan hukuman qisas.
- c. Kesalahan yang boleh dikenakan hukuman ta'zir.

Had atau kata jamaknya **hudud** bermakna menahan atau mencegah. Istilah hudud dari segi syarak bermaksud 'keseksaan yang ditetapkan oleh syarak tentang kadar serta jenisnya dan wajib dilaksanakan kerana ia merupakan hak Allah s.w.t'.²

Oleh yang demikian, pemerintah atau hakim tidak mempunyai hak untuk mengurang, menambah atau mengubah hukuman itu apabila cukup syarat-syarat perlaksanaannya.

Antara kesalahan-kesalahan dari jenis ini ialah:

1. Melakukan zina atau persetubuhan di luar nikah.
2. Membuat tuduhan palsu bahawa seseorang itu melakukan zina (Qazaf).
3. Minum arak.
4. Mencuri (Al Sariqah)
5. Merompak (Al Hirabah)
6. Mengkhianati (Al Baghy)
7. Murtad

Qisas dalam bahasa Arab bererti persamaan. Istilah Qisas dari segi syaraknya ialah keseksaan yang sama tahapnya dengan jenayah yang dilakukan dan ditetapkan oleh syarak tentang kadar dan jenisnya.³

Allah telah berfirman:

'Dan kami tetapkan bagi mereka bahawa nyawa dibalas dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka-luka ada qisasnya'

Antara kesalahan-kesalahan dari jenis ini ialah:

- a. Membunuh.
- b. Mencederakan orang lain.

Hukuman bagi jenayah qisas adalah setimpal dengan perbuatan jenayah yang dilakukan. Ia juga boleh diselesaikan dengan membayar diyat. Ini berasaskan firman Allah s.w.t.:

"Wahai orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu mengqisas pada orang-orang yang dibunuh, orang merdeka dengan orang yang merdeka, hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita. Maka barangsiapa yang diberi maaf oleh saudaranya, hendaklah mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah dia membayar diyat dengan cara yang baik."⁴

Ta'zir dalam bahasa Arab bererti menegah dan mencegah, memukul dengan suatu pukulan yang berkesan dan memberi pertolongan yang kuat.⁵

Dari segi syaraknya pula, ta'zir memberi maksud 'kesalahan yang hukumannya tidak ditetapkan oleh syarak'. Bagi kesalahan dari jenis ini, pemerintah boleh mengenakan hukuman menurut apa yang sesuai untuk memberi pengajaran dan menakutkan pesalah daripada mengulangi perbuatan haram atau meninggalkan perkara wajib'.⁶

JENAYAH HUDUD DAN HUKUMANNYA

1. Kesalahan Zina

Zina ialah persetubuhan yang dilakukan tanpa paksa oleh lelaki yang berakal serta mengetahui hukum zina, ke atas perempuan yang diharamkan baginya, kerana tidak melalui akad atau telah melalui akad yang samar, serta bukan milik atau milik yang samar.

Hukuman bagi kesalahan ini dibahagikan kepada dua bergantung kepada status pesalah.

- a. Bagi pesalah yang **muhsan** (7), Jumhur ulamak sependapat bahawa hukumannya ialah direjam dengan batu sampai mati.
Ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Ya Anis, pergilah kepada perempuan itu dan jika dia mengaku, rejamlah dia".

- b. Bagi pesalah yang bukan muhsan (8), Jumhur ulamak sependapat bahawa hukumannya ialah disebat seratus kali di khalayak ramai. Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Penzina-penzina perempuan atau lelaki, hendaklah kamu sebat sampai seratus kali”⁹

2. Kesalahan Qazaf

Qazaf bererti melemparkan tuduhan zina ke atas orang yang baik lagi suci atau menafikan keturunan tanpa cukup saksi.

Hukuman bagi kesalahan ini ialah disebat lapan puluh kali dan tidak boleh diterima sebagai saksi dalam apa juga perkara. Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan mereka yang melempar tuduhan palsu (berzina) ke atas perempuan-perempuan yang suci bersih, kemudian tidak membawa empat orang saksi maka deralah mereka (yang menuduh) dengan lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya dan merekalah orang yang fasiq.”¹⁰

3. Kesalahan Meminum Arak

Dalam bahasa Arab, arak disebut sebagai ‘khamar’, bererti penutup yang bermaksud menutupi akal fikiran daripada mengetahui keadaan yang sebenarnya. Ini dapat disamaertikan dengan mabuk iaitu menghilangkan kewarasan seseorang untuk berfikir dalam keadaan normal atau hilang pertimbangan akal fikiran.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

“Setiap benda yang memabukkan adalah khamar dan tiap-tiap khamar adalah diharamkan”.

Al-Quran ada menyebut tentang pengharaman arak tetapi tidak menerangkan hukumannya. Pada zaman Rasulullah s.a.w., baginda pernah mengenakan hukuman sebatan ke atas pesalah-pesalah tetapi jumlah sebatan adalah berbeza di antara satu kes dengan kes yang lain, tetapi tidak pernah melebihi empat puluh kali sebatan. Ini telah membuka pintu kepada para sahabat dan umat Islam untuk melakukan ijihad dalam menentukan hukuman, tetapi hukumannya adalah tetap sebatan jika sabit kesalahan.

4. Kesalahan Mencuri (Al Sariqah)

Al sariqah bermaksud mengambil harta orang lain yang tidak diamanahkan kepadanya, secara rahsia oleh orang yang berakal dan telah akil baligh dan tanpa kesamaran milik.¹¹

Hukuman bagi kesalahan yang mempunyai cukup syarat-syarat adalah **potong tangan**. Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Pencuri lelaki dan perempuan, hendaklah dipotong kedua-dua tangan mereka sebagai balasan ke atas apa yang dilakukan dan sebagai seksaan daripada Allah”¹²

5. Kesalahan Merompak (Al Hirabah)

Al hirabah pada umumnya bermaksud perbuatan menakutkan perjalanan orang lain secara kekerasan, di tempat yang susah untuk mendapatkan pertolongan, dengan tujuan untuk memperoleh harta benda, samada dilakukan secara perseorangan atau berkumpulan.¹³

Oleh sebab hukuman hudud tidak ditakrifkan dengan tepat, maka timbullah perbezaan pendapat di kalangan peguam muslim berhubung dengan hukuman terhadap kesalahan ini. Menurut Mazhab Shafei, hukumannya bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan:

- a. Bagi kesalahan membuat perjalanan orang lain tidak selamat, hukumannya adalah **buang negeri**.
- b. Bagi kesalahan merompak, hukumannya adalah **hudud**.
- c. Bagi kesalahan membunuh dengan sengaja, hukumannya adalah **bunuh**, walaupun waris simati bersetuju menerima diyah.
- d. Bagi kesalahan merompak dan membunuh, hukumannya adalah **bunuh dan mayatnya hendaklah dipamerkan untuk beberapa hari di atas salib sebagai pengajaran kepada masyarakat**.

Menurut mazhab-mazhab lain pula, jika siperompak bertaubat sebelum ditangkap, hukuman hudud tidak akan dikenakan ke atasnya, tetapi dia wajib mengembalikan barang rompakkan tersebut. Begitu juga jika pembunuh bertaubat sebelum ditangkap, hukuman bunuh tidak akan dijatuhkan ke atasnya, tetapi waris simati berhak menuntut qisas atau diyah.¹⁴

Hukuman ini diterangkan di dalam firman Allah s.w.t.:

“Tidak ada balasan bagi orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya, dan mengadakan rusuhan di muka bumi melainkan dibunuh mereka atau dipotong tangan-tangan dan kaki-kaki mereka berselang-seli, atau dihilau dari bumi itu, yang demikian merupakan satu penghinaan bagi mereka di dunia dan bagi mereka di akhirat nanti, azab yang besar”.¹⁵

6. Mengkhianati (Al Baghy)

Perkataan al baghy dari sudut bahasa bererti menuntut atau mencari sesuatu dan dari segi syaraknya pula bermaksud menderhaka. Sebahagian ulamak telah menakrifkan al baghy sebagai **perbuatan menentang pemimpin** atau

timbangan pemimpin tertinggi sesebuah negara Islam dengan tidak menunaikan tanggungjawab yang diwajibkan ke atas mereka atau kerana menentang kepimpinan pemimpin semata-mata.¹⁶

Firman Allah:

“Katakanlah; Sesungguhnya Tuhanku mengharamkan kejahatan yang zahirnya dan batinnya dan dosa, dan aniaya dengan tidak benar, dan (la mengharamkan) kamu menyengutukan Allah dengan sesuatu yang keterangannya tidak diturunkanNya, dan (la mengharamkan) kamu berkata atas nama Allah, sesuatu yang kamu tidak tahu”.¹⁷

Sejarah telah menyaksikan pengkhianatan dan pendurhakaan, hukuman yang dijatuhkan ke atas penjenayah itu dan bagaimana jenayah itu dihapuskan. Sebagai contoh, Aswad, ketua bani Madlaj di Yaman telah memberontak dan menentang pihak pemerintah serta menyingkirkan beberapa orang pegawai yang dilantik oleh Rasulullah s.a.w. keluar dari bandar. Rasulullah s.a.w. telah mengutus surat kepada gabenor di Yaman, Mua'adh bin Jabal dan ketua kaum yang lain untuk menentang gerakan Aswad. Aswad akhirnya terbunuh.

Menurut Abu Zahra, hukuman hudud ke atas perbuatan al baghy telah ditetapkan oleh Al-Quran:

“Dan apabila dua golongan daripada orang mukmin berkelahi, maka hendaklah kamu damaikan antara keduanya. Tetapi jika salah satu daripada keduanya melewati batas terhadap yang lain, maka perangilah yang melewati batas itu sehingga ia kembali kepada perintah Allah, maka apabila ia sudah kembali, damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah kerana Allah cintakan orang-orang yang berlaku adil”.¹⁸

7. Murtad

Murtad ialah seseorang yang sudah baligh dan siuman yang keluar daripada agama Islam samada untuk menganut agama lain atau tidak, secara sukarela. Murtad sama dengan riddah yang bererti berpaling tadah daripada agama Islam kepada kekufuran.

Menurut ulamak, murtad merupakan perbuatan yang berhubung dengan keimanan, melalui niat, kata-kata atau perbuatan, atau gagal mengerjakan rukun-rukun Islam sekiranya mampu berbuat demikian oleh seseorang yang siuman, sudah baligh dan tanpa sebarang paksaan.¹⁹

Orang yang murtad boleh dihukum **bunuh** sekiranya ia enggan bertaubat setelah diberi tempoh tiga hari untuk berbuat demikian. Dalil yang digunakan ialah Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w..

Firman Allah:

“Sesiapa yang tidak percaya akan Allah sesudah beriman kecuali dipaksa, sedangkan hatinya tetap dengan keimanan, tetapi barang siapa yang terbuka hatinya dengan kekufuran, maka pada merekalah kemarahan daripada Allah dan bagi merekalah azab yang besar”²⁰

“Dan jika mereka memecahkan sumpah mereka sesudah mereka berjanji dan mereka mencela agama kamu maka perangilah ketua-ketua kekufuran itu (kerana) sesungguhnya mereka itu tidak ada sumpah bagi mereka, supaya mereka mahu berhenti”²¹

Hadith:

“Rasulullah s.a.w. tidak menghukum bunuh sesiapa juapun kecuali salah satu daripada tiga kesalahan ini: orang yang membunuh dengan sengaja, orang yang melakukan zina sesudah bermikah, atau orang yang memerangi Allah dan RasulNya lalu menjadi murtad”.²²

“Barang siapa yang menukar agamanya, bunuhlah ia”.²³

FALSAFAH DAN PENUTUP

Perlu ditegaskan bahawa hukuman bukanlah cara yang utama bagi membendung jenayah, malah ia merupakan pilihan terakhir. Islam lebih memberi perhatian kepada punca jenayah dan sebab-sebab yang mendorong seseorang melakukan jenayah.

Punca utama jenayah ialah kerosakan hati dan keruntuhan akhlak. Oleh itu, Islam menitikberatkan persoalan tarbiyah bagi mewujudkan hati yang bertaqwa dan sentiasa mengawasi diri daripada melakukan jenayah.

Dalam kaedah *Sad al Zara'i* (menutup pintu kejahatan), untuk mengatasi masalah jenayah zina, Islam memberi penekanan ke atas usaha-usaha mengawal faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya zina. Sebagai contoh, Islam:-

- (i) menggalakkan anak muda supaya segera berkahwin dan mempertanggungjawabkan ke atas masyarakat dan baitulmal membantu orang-orang yang ingin berkahwin,
- (ii) mengharamkan gambar-gambar dan filem-filem yang merangsangkan hawa nafsu.
- (iii) mengharamkan pendedahan aurat ke atas perempuan dan lelaki,
- (iv) mengharamkan khalwat dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.

Bagi mengatasi masalah jenayah mencuri pula, Islam mewajibkan zakat ke atas orang yang kaya dan zakat ini merupakan hak orang yang miskin. Jadi, zakat bukanlah satu pemberian ihsan daripada orang kaya kepada orang miskin.

Berasaskan inilah Saidina Umar r.a. menggugurkan hukuman had keatas pencuri-pencuri yang mencuri kerana terdesak pada 'tahun kelaparan'.

Dalam usaha membasmiakan jenayah, jelaslah bahawa Islam sangat mementingkan aspek-aspek penjagaan dan pengawasan. Syariat hukuman hanyalah merupakan jalan terakhir yang dikenakan ke atas mereka yang terlepas daripada pengawasan tersebut serta masih berdegil untuk melakukan jenayah. Selain itu, hukuman hanya diwajibkan apabila sesuatu jenayah itu telah disabitkan. Hukuman ke atas penjenayah patut disembarkan kepada semua ahli masyarakat supaya dapat dijadikan iktibar dan tauladan.

Allah telah berfirman:

“Di dalam hukuman, ia mempunyai penghidupan kepada kamu, sekiranya kamu memahaminya.”²⁵

Matlamat hukuman adalah untuk memulihkan individu dan menjaga kesejahteraan masyarakat. Mencegah jenayah daripada berulang adalah penting, dan kerana itulah hukuman yang dikenakan mestilah cukup perit supaya dapat menimbulkan perasaan sesal dan serik di dalam hati seseorang penjenayah. Pada hakikatnya, segala hukuman adalah sia-sia jika ia tidak berkuasa untuk membunuh kezaman seseorang untuk melakukan atau mengulangi perbuatan jenayah. Sesungguhnya, hukuman Islamlah yang paling sesuai kerana ia mampu memberi kesan tersebut dan undang-undang Islam datangnya dari Allah s.w.t. yang mengetahui apa yang adil bagi manusia, ciptaanNya. Hukuman ciptaan Allah s.w.t. merupakan rahmat kepada seluruh makhluk.

Nota akhir

1. *Mughni Muhtaj*, Ibn Qudamah, Jilid 4, halaman 97, Cairo 1387H.
2. *Hudud Dan Qisas Dalam Perundangan Islam*, Wan Zahidi Wan Teh, m.s 71, UKM, Bangi, 1986.
3. *Ibid*, m.s 80.
4. Surah Al Baqarah: ayat 178
5. *Falsafah Perundangan Islam*, Datuk Dr. Haron Din, m.s 23, UKM, Bangi.
7. Muhsan ialah orang yang telah tu pernah berkahwin.
8. Bukan Muhsan ialah orang yang belum berkahwin.
9. Surah An Nur: ayat 2.
10. Surah An Nur: ayat 4-5.
11. *Fath Al Qadir*, Ibn Humam, Jilid 4, m.s 219, Maktabah Al Amriyya, Cairo, T.T.
12. Surah Al Maidah: ayat 38.
13. *Nihayat Al Muhtaj*, Abu al abbas Al Ramli, Jilid 8, m.s 2, Al Haksi, Cairo, T.T.
14. *Op.cit*, Mohd Muslehuddin, m. s 34.
15. Surah Al Maidah: ayat 34.
16. *Sharh ala Mukhtasar al Khalil*, Al Zarqani, Jilid 8, m.s 60, Cairo, 1303 H.
17. Surah Al A'raf: ayat 33.
18. Surah Al Hujurat: ayat 9.
19. *Op.cit*, Mohd Muslehuddin, m.s 36.
20. Surah At Taubah: ayat 12.
21. Surah Al Nahl: ayat 106.
22. *Shahih Al Bukhari*, Leiden E. J Brill, Jilid 4, m.s 317 (Kitab Al Diyat), 1980.
23. *Ibid*, Jilid 2, m.s 251 (kitab Jihad).
24. Surah Al Baqarah: ayat 179.